

Sekolah Sri KDU bantu NKF

SEBANYAK RM45,000 dikumpulkan oleh Sekolah Rendah Sri KDU untuk didermakan kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) bagi membiayai pembelian mesin hemodialisis.

Mesin ini akan ditempatkan di Pusat Dialisis NKF - Yayasan Dialisis Pertubuhan Pendidikan Akhlak, Taiping.

Murid-murid berumur tujuh hingga 12 tahun sekolah berkenaan telah menjayakan kempen tersebut dalam usaha untuk membantu masyarakat yang memerlukan bantuan.

Antara program yang dilakukan sepanjang kempen itu adalah pungutan derma dan jualan amal selain wang yang dikumpulkan hasil dari aktiviti yang dilakukan pada tahun lalu.

Pada majlis itu, Guru Besar Sekolah, Djohann Iskandar Kwan Abdullah telah menyampaikan replika cek kepada Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee sambil diiringi oleh Timbalan Ketua Pengawas Sekolah, Cheam Hay Lee.

Menurut Djohann, program amal ini akan menjadi sebahagian aktiviti pihak sekolah dan berharap ia boleh melahirkan murid yang prihatin.

"Saya begitu berbangga dengan komitmen daripada semua warga sekolah ini sehingga berjaya merealisasikan hasrat untuk memberikan sumbangan kepada NKF," katanya.



Djohann (belakang, kiri) menyampaikan replika cek kepada Hong Wee (kanan) yang mewakili NKF.